

Susun strategi pikat pasaran Jepun: PM

Oleh Azhar Abu Samah

KUALA LUMPUR, Rabu — Pengeluaran produk bernilai tambah yang tinggi harus diberi perhatian oleh usahawan Malaysia jika mereka mahu meningkatkan lagi pasaran pelbagai produk negara ini di Jepun.

Sehubungan dengan itu, Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, berkata usaha lebih giat untuk memperkenalkan produk negara harus dijalankan berterusan supaya Jepun menambah lagi jumlah importnya dari Malaysia.

"Jepun adalah antara rakan dagang penting kepada Malaysia sejak sedekad lalu," katanya dalam

perutusan sempena Persidangan Persatuan Ekonomi Malaysia-Jepun (Majeca) dan Persatuan Ekonomi Jepun-Malaysia (Jameca) di Pusat Konvensyen Pacifico Yokohama di Jepun, hari ini. Teks ucapan beliau dikeluarkan di Kuala Lumpur.

Majeca dan Jameca mengadakan persidangan tahunan dua hari mulai semalam. Sebanyak 78 ahli Majeca negara ini dan keluarga mereka menyertai persidangan itu.

Turut mengambil bahagian pada persidangan ini ialah Menteri Perdagangan Antarabangsa dan Industri, Datuk Seri Rafidah Aziz, Pengerusi Arab-

Malaysian Merchant Bank Berhad, Tan Sri Azman Hashim, Pengerusi Mida, Tan Sri Zainal Abidin Sulong dan Ketua Setiausaha Kementerian Kebudayaan, Kesenian dan Pelancongan, Datuk Khalid Ismail.

Menyentuh soal Perundingan Ekonomi Asia Timur (EAEC), Dr Mahathir berkata, perbincangan isu bersama yang menyentuh ekonomi Asia Timur dijangka menyumbang ke arah perkembangan kerjasama ekonomi serantau dan menggalakkan sistem perdagangan dunia yang bersifat terbuka dan bebas.

"Saya berharap perbin-

cangan ini akan memberi tumpuan kepada prospek kerjasama ekonomi Malaysia-Jepun dan negara ketiga seperti Amerika Syarikat, China, Vietnam dan Kemboja," katanya.

Perdana Menteri juga menyatakan penghargaan Malaysia ke atas syarikat dan kerajaan Jepun yang banyak membantu proses perindustrian dan dasar perdagangan negara ini.

Menurutnya, cuma dengan kerjasama berterusan dan ikhlas Jepun membolehkan berlaku pemindahan teknologi dan peningkatan jumlah import produk Malaysia ke Jepun.

"Kejayaan projek kere-

ta Proton adalah contoh terbaik pemindahan teknologi dan saya yakin dengan sokongan yang sama, projek kereta nasional kedua akan mengulangi kejayaan," katanya.

Dr Mahathir berkata, Malaysia turut menghargai kehadiran syarikat Jepun di negara ini kerana ia bukan sahaja menyediakan peluang pekerjaan, malah bertindak sebagai pemangkin untuk menarik masuk pelaburan asing.

Selain itu, katanya, rakyat Malaysia mengakui sumbangan syarikat Jepun menimbulkan budaya dan etika kerja di kalangan generasi muda.